**PROGRAM GEMPUR KECEMERLANGAN SPM**
**NEGERI PERLIS**
**ANJURAN**
**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA NEGERI PERLIS**

**GEMPUR KECEMERLANGAN 2022** **1103/2 (PP)**
**Bahasa Melayu**
**Kertas 2**
**Peraturan Pemarkahan**

---

**UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA**


**AMARAN**

Peraturan pemarkahan ini SULIT dan Hak Cipta Persidangan Pengetua-pengetua Sekolah Menengah dan Majlis Guru Cemerlang Negeri Perlis. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa-apa bentuk media.


---

Peraturan pemarkahan ini mengandungi **12** halaman bercetak

**MARKAH PENUH : 100 MARKAH**
**BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA**

Markah penuh **35** markah dibahagikan kepada

**Perhatian bagi Soalan 1**

1. Berikan 1 markah bagi setiap kata nama terbitan yang betul.
2. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul dan gramatis dengan menggunakan kata nama terbitan tersebut.
3. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda baca dengan betul.
4. Sekiranya beberapa kata yang diuji telah digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat sahaja.
5. Kata yang diuji salah tetapi ayat yang dibina betul, berikan 0 markah.
6. Calon menyalin / meniru keseluruhan ayat daripada petikan atau mana-mana bahagian dalam keseluruhan kertas soalan, berikan 0 markah.
7. Petikan digunakan sebagai kata nama khas atau peribahasa, berikan 0 markah.
8. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, berikan 0 markah.
9. Maksud ayat tidak jelas, berikan 0 markah.
10. Tolak 1 markah bagi kesalahan ejaan / jalan bahasa / tanda baca daripada keseluruhan soalan.

**SOALAN 1 : MORFOLOGI – kata nama terbitan**

1. pendidikan
2. pencapaian
3. keseimbangan
4. kecemerlangan
5. kepelbagaian
6. kemahiran
7. kerajaan

**[Maksimum: 8 markah]**

**SOALAN 2 : SINTAKSIS – Jenis-jenis Frasa**

1. Frasa Sendi Nama
2. Frasa Kerja
3. Frasa Nama
4. Frasa Kerja
5. Frasa Adjektif
6. Frasa Nama

**[Maksimum: 6 markah]**

**SOALAN 3 : PENYUNTINGAN**

**Petikan 1**

| | | |
|---|---|---|
| 1. landkap | – | landskap |
| 2. mendalam | – | mendalami |
| 3. harmoni | – | keharmonian |
| 4. Antara fungsi-fungsi | – | Antara fungsi |
| 5. ialah | – | adalah |
| 6. juang | – | saing |

**[Maksimum: 6 markah]**

**Petikan 2**

| | | |
|---|---|---|
| 1. naskah | – | naskhah |
| 2. baca | – | bacaan |
| 3. mengambil | – | melayari / memperoleh / mendapatkan |
| 4. serta | – | atau |
| 5. pada | – | di |

**[Maksimum: 5 markah]**

**SOALAN 4 : BAHASA MELAYU STANDARD**

Bendahara kembali ke Melaka lalu menghadap Sultan Muzaffar Syah. Bendahara memberitahu / mempersembahkan semua perkhabaran / berita / perihal ehwal Ke Bawah Duli Sultan. Baginda terlalu / sangat / amat gembira / suka / sukacita lantas baginda memberikan persalinan kepada Bendahara Paduka Raja pakaian yang mulia-mulia, semua hulubalang yang pergi bersama-sama turut dianugerahi oleh baginda persalinan mengikut kedudukan masing-masing.

**[Maksimum: 6 markah]**

**SOALAN 5 : PERIBAHASA**

1. duduk sama rendah, berdiri sama tinggi / berdiri sama tinggi, duduk sama rendah
2. usaha tangga kejayaan / genggam bara api, biar menjadi arang / kalau tidak dipecah ruyung, manakan dapat sagunya
3. alah bisa tegal biasa

**[Maksimum: 4 markah]**

## BAHAGIAN B : PEMAHAMAN

**[35 Markah]**

Markah penuh **35** markah dibahagikan kepada:

Soalan 6 : 12 markah
Soalan 7 : 13 markah
Soalan 8 : 10 markah

**Perhatian bagi Soalan 6, 7 dan 8**

1. Jawapan hendaklah menggunakan ayat anda sendiri.
2. Jawapan hendaklah dalam ayat yang lengkap/sempurna.
3. Jawapan bagi soalan 8 hendaklah berdasarkan mana-mana novel yang dipelajari.
4. Jika disalin bulat-bulat daripada teks dan jawapan itu betul, berikan separuh (50%) daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

**Panduan pemarkahan soalan pemahaman**

1. Soalan 2 markah: Pemahaman berdasarkan teks

| DESKRIPSI | MARKAH |
|---|---|
| - Jawapan tepat mengikut konteks / isi cukup / ayat gramatis | 2 |
| - Jawapan tepat mengikut konteks / isi cukup / ayat tidak gramatis | 1 |
| - Jawapan kurang tepat / isi tidak cukup | 1 |
| - Jawapan salah | 0 |

2. Soalan 3 markah: Pemahaman berdasarkan teks dan unsur KBAT

| DESKRIPSI | MARKAH |
|---|---|
| - Isi cukup / menyentuh semua bahan / relevan dengan tugas / ayat gramatis | 3 |
| - Isi cukup / menyentuh semua bahan / relevan dengan tugas / ayat *kurang* gramatis | 2 |
| - Isi **tidak** cukup / menyentuh semua bahan / ayat gramatis | 1 |
| - Isi **tidak** cukup / tidak menyentuh semua bahan | 1 |
| - Jawapan salah | 0 |

3. Soalan 4 markah: Pemahaman unsur KBAT dan novel

| DESKRIPSI | MARKAH |
|---|---|
| - Isi cukup dan lengkap/relevan dengan tugasan dan ayat gramatis | 4 |
| - Isi cukup dan lengkap/relevan tetapi ayat kurang gramatis | 3 |
| - Isi tidak cukup/kurang lengkap dan ayat masih gramatis | 2 |
| - Isi tidak cukup/kurang lengkap dan ayat kurang gramatis | 1 |
| - Isi tidak betul/tidak relevan dengan tugasan, ayat gramatis | 0 |

**Soalan 6 : Petikan Umum**

(i) Maksud rangkai kata *sistematik dan efektif*

| | | |
|---|---|---|
| - | teratur dan berkesan / mujarab | 2 |
| - | sistematik dan berkesan | 1 |
| - | teratur dan efektif | 1 |

(ii) **Kelebihan**

**Bahan 1**

P1 dapat membantu dan menyokong pelajar yang lemah dalam pembelajaran
P2 lebih prihatan dan saling menghormati perasaan masing-masing apabila diberi tugasan

**Bahan 2**

P1 mampu meningkatkan minat pelajar dalam pembelajaran
P2 seseorang pelajar berasa lebih selesa dengan bimbingan rakan sebaya
P3 berupaya memberikan penumpuan yang lebih kepada bahan pembelajaran

**Nota: Jawapan calon mestilah berdasarkan semua bahan**

**[Maksimum : 3 markah]**
**[isi cukup : 2 isi]**

(iii) **Faktor**

P1 pelajar kurang pengetahuan tentang kelebihan program
P2 guru kurang memberi pendedahan
P3 pelajar lebih cenderung / minat dengan teknologi maklumat
P4 pelajar lebih cenderung untuk belajar sendiri
P5 pemilihan rakan sebaya yang tidak menepati kehendak pelajar

**[Maksimum : 3 markah]**
**[isi cukup : 2 isi]**

**(iii) Tindakan**

P1 menasihatinya hadir ke sekolah kerana pelajaran amat penting
P2 mengajaknya untuk belajar secara berkumpulan
P3 memberitahu / memaklumkan masalah rakan kepada ibu bapanya
P4 memaklumkan / meminta bantuan kaunselor
P5 memberikan sokongan moral

**[Maksimum : 4 markah]**
**[isi cukup : 3 isi]**

**Soalan 7 : Petikan Sastera**

(i) Maksud

- sekiranya seseorang itu sering menghulurkan sedekah, semua orang akan menyukainya 2
- sering menghulurkan sedekah, orang akan suka 1

(ii) **Sifat baik**

**Bahan 1**

P1 budiman
P2 dermawan
P3 pemurah

**Bahan 2**

P1 bersikap jujur
P2 mengakui kesalahan diri
P3 meminta maaf seikhlas hati
P4 andai kita ditegur atau dimarahi kerana kesalahan yang dilakukan, terimalah dengan rela dan reda

**Nota: Jawapan calon mestilah berdasarkan semua bahan**

**[Maksimum : 3 markah]**
**[Isi cukup : 2 isi ]**

(iii) **Kelebihan**

P1 disanjung tinggi / dihormati / disenangi
P2 dapat membantu golongan yang memerlukan
P3 mendapat pahala
P4 dapat memupuk sifat ihsan
P5 meningkatkan imej rakyat Malaysia

**[Maksimum : 4 markah]**
**[isi cukup : 3 isi]**

(iv) **Tindakan**

P1 menasihatinya supaya lebih bersabar menerima teguran
P2 memintanya supaya berfikir secara rasional
P3 menasihatinya supaya berlapang dada / berfikiran positif
P4 memintanya supaya muhasabah diri
P5 meminta ibu bapa / ustaz / guru / kaunselor menasihatinya

**[Maksimum : 4 markah]**
**[isi cukup : 3 isi]**

**Soalan 8**

**(i) Keadaan**

| | | |
|---|---|---|
| P1 | ruang menanti masih panjang | 1 |
| P2 | para pengunjung sepertinya menunggu dengan wajah gelisah | 1 |
| P3 | persekitaran yang sepi | 1 |
| P4 | beberapa perempuan dengan perut memboyot keluar masuk | 1 |
| P5 | seorang lelaki berjalan dengan menggunakan tongkat dan ditemani oleh seorang budak lelaki | 1 |
| P6 | seorang perempuan sedang menceceh-ceceh | 1 |

**[Maksimum : 4 markah]**
**[Isi cukup : 3 isi]**

**Panduan pemarkahan bagi Soalan 8 (ii)**

**(ii) Jawapan Soalan novel**

(a) Jawapan berdasarkan sebuah novel yang dipelajari.
(b) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.
(c) Beri 1 markah bagi setiap isi yang betul.
(d) Beri 1 markah bagi peristiwa / huraian / contoh yang lengkap / jelas bagi setiap isi
(e) Markah isi maksimum 4 markah (2 markah bagi setiap isi dan peristiwa / huraian / contoh.
(f) Markah bahasa maksimum 2 markah, diberi secara kesan yang menyeluruh :
Baik : 2 markah
Lemah : 1 markah
(g) Jika calon menjawab dan markah isi kosong, beri 1 markah untuk bahasa.
(h) Calon tidak menjawab 0 markah.

**[Maksimum: 6 markah]**

Jawapan bagi soalan berikut hendaklah berdasarkan teks novel Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.

(ii) Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut :
*(a)* Jendela Menghadap Jalan karya Ruhaini Matdarin
*(b)* Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip Talib
*(c)* Pantai Kasih karya Azmah Nordin
*(d)* Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor
*(e)* Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip
*(f)* Tirani karya Beb Sabariah
*(g)* Silir Daksina karya Nizar Parman
*(h)* Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop

Berdasarkan sebuah novel yang anda pelajari, jelaskan **dua** peristiwa yang menimbulkan simpati kepada pembaca.

| Novel Jendela Menghadap Jalan | Novel Songket Berbenang Emas |
|---|---|
| **Peristiwa Lili diculik dan disembunyikan di sebuah rumah usang.**<br>Lili diculik oleh Haziq dan Rafiq semasa dalam perjalanan pulang dari pekan. Pembaca bersimpati dengan nasib watak yang berhadapan dengan penculik seorang diri. | **Peristiwa Dahlia keluar dari asrama untuk menjaga adik-adiknya.**<br>Dahlia terpaksa keluar asrama kerana ibu bapanya dimasukkan ke hospital.<br>Pembaca bersimpati dengan nasib watak yang sepatutnya menumpukan perhatian dalam pelajaran. |
| **Peristiwa Che Jah dan anak-anaknya dipukul oleh Seman.**<br>Seman akan memukul isteri dan anak-anaknya jika dia mabuk dan kalah judi. Peristiwa ini menimbulkan simpati kepada pembaca kerana keluarga sepatutnya disayangi. | **Peristiwa Dahlia menerima fitnah daripada Aton.**<br>Dahlia difitnah sebagai perempuan tidak baik kerana Najib dan Azahari datang ke rumahnya.<br>Pembaca bersimpati dengan nasib watak yang dituduh tanpa usul periksa. |
| **Peristiwa perubatan tradisional yang diamalkan oleh Datuk dipertikaikan oleh generasi muda.**<br>Danel melarang ayahnya daripada mendapatkan rawatan daripada Datuk kerana perubatan tradisional dianggap tidak praktikal pada masa ini.<br>Peristiwa ini menimbulkan simpati kepada pembaca kerana perjuangan memartabatkan perubatan tradisional tidak diterima lagi. | **Peristiwa kesusahan keluarga Dahlia.**<br>Keluarga Embong terpaksa berhutang dengan Tauke Lim disebabkan kesusahan mereka.<br>Pembaca bersimpati dengan nasib mereka yang dalam kesempitan. |

## BAHAGIAN C : RUMUSAN
**[30 *markah*]**

**Soalan 9**
Markah penuh **30** dibahagikan kepada
(a) Isi – **20 markah**
(b) Bahasa – **10 markah**

(a) **Isi [20 markah]**
**Nota :**
(i) Panduan mengira perkataan
Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan :
- nama khas
- perkataan berganda
- penggunaan kata sendi di dan ke
- tarikh
- angka yang ditulis dengan nombor dan perkataan
- gelaran
- penanda wacana

(ii) Kira dan **tandakan** jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja sebelum diperiksa.
(iii) Periksa jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja, yang selebihnya **tidak perlu diperiksa**.
(iv) Berikan 2 markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.
(v) Calon perlu mengambil sekurang-kurangnya 1 isi daripada setiap fokus dan daripada setiap bahan.
(vi) Jumlah isi maksimum yang diterima daripada **semua fokus** dan **semua bahan** ialah 8 isi yang lengkap sahaja.

<table>
<tr><th>Bahagian</th><th>Bilangan Isi</th><th colspan="6">Bilangan Isi Diterima</th><th>Markah Maksimum</th></tr>
<tr><td>(i) Pendahuluan</td><td rowspan="2" colspan="7"></td><td>2</td></tr>
<tr><td>(ii) Isi Bahan 1</td><td rowspan="7">16</td></tr>
<tr><td>A Fokus 1 (punca/faktor/sebab)</td><td>5</td><td>4</td><td>3</td><td>3</td><td>2</td><td>2</td><td>1</td></tr>
<tr><td>C Fokus 2 (cara/usaha/langkah)</td><td>4</td><td>1</td><td>2</td><td>2</td><td>3</td><td>3</td><td>3</td></tr>
<tr><td>(iii) Isi Bahan 2</td><td colspan="7"></td></tr>
<tr><td>D Fokus 2 (cara/usaha/langkah)</td><td>2</td><td>1</td><td>1</td><td>2</td><td>2</td><td>1</td><td>2</td></tr>
<tr><td>(iv) Isi Bahan 3</td><td colspan="7"></td></tr>
<tr><td>B Fokus 1 (punca/faktor/sebab)</td><td>1</td><td>1</td><td>1</td><td>1</td><td>1</td><td>1</td><td>1</td></tr>
<tr><td>E Fokus 2 (cara/usaha/langkah)</td><td>2</td><td>1</td><td>1</td><td>1</td><td>1</td><td>1</td><td>1</td><td></td></tr>
<tr><td>Jumlah Isi</td><td>11</td><td colspan="6">8</td><td></td></tr>
<tr><td colspan="2">(v) Penutup / Kesimpulan</td><td colspan="6"></td><td>2</td></tr>
<tr><td colspan="8">Jumlah Markah</td><td>20</td></tr>
</table>

**(c) Bahasa [10 markah]**

Asas pemberian markah Bahasa tidak bergantung kepada markah isi tetapi dinilai secara holistik.

| PERINGKAT | MARKAH BAHASA | KRITERIA |
|---|---|---|
| **Cemerlang** | **8 – 10 markah** | • Kesinambungan ayat *sangat* baik<br>• Bahasa *sangat* gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan Rumi baharu<br>• Penggunaan kosa kata luas dan tepat<br>• Pengolahan *sangat* menarik dan berkesan |
| **Baik** | **5 – 7 markah** | • Kesinambungan ayat baik<br>• Bahasa *masih* gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan Rumi baharu<br>• Penggunaan kosa kata *masih* luas dan tepat<br>• Pengolahan *masih* menarik dan berkesan |
| **Sederhana** | **3 – 4 markah** | • Kesinambungan ayat *kurang* baik<br>• Bahasa *kurang* gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan Rumi baharu<br>• Penggunaan kosa kata *kurang* luas dan tepat<br>• Pengolahan *kurang* menarik dan berkesan |
| **Lemah** | **1 – 2 markah** | • Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan / tidak memuaskan / kurang atau tidak difahami. |

**Nota :**

(i) Jika menjawab dalam bentuk poin/fakta markah bahasa ialah pada peringkat lemah.
(ii) Jika markah isi 6 markah dan ke atas, markah bahasa dinilai seperti biasa. (rujuk jadual)
(iii) Jika markah isi 5 markah dan ke bawah tetapi bahasa sangat baik, markah maksimum Bahasa ialah 5 markah.
(iv) Jika disalin bulat-bulat perkataan demi perkataan, ayat demi ayat walaupun jumlah perkataan kurang 120 patah perkataan, beri 0 markah bahasa.
(v) Jika rumusan kurang daripada 120 patah perkataan, markah bahasa dinilai seperti biasa.

**[Maksimum : 10 markah]**

| **Pendahuluan [2 markah]** | **Markah** |
|---|---|
| P1 Rumusan / Petikan membincangkan punca / faktor / sebab berlakunya kemalangan jalan raya dan cara / usaha / langkah menangani kemalangan jalan raya. | 2 |
| P2 Rumusan membincangkan punca / faktor / sebab berlakunya kemalangan jalan raya | 1 |
| P3 Rumusan membincangkan cara / usaha / langkah menangani kemalangan jalan raya | 1 |

**FOKUS 1 : Punca / faktor / sebab berlakunya kemalangan jalan raya**

| **Bahan 1** | |
|---|---|
| A1 kecuaian pemandu kereta mahupun pengendali kenderaan berat | 2 |
| A2 kawasan jalan yang beralun dan berlubang | 2 |
| A3 keadaan brek dan tayar kenderaan yang tidak selenggara | 2 |
| A4 kesan mengantuk | 2 |
| A5 faktor usia | 2 |

| **Bahan 3** | |
|---|---|
| B1 menggunakan telefon bimbit semasa memandu | 2 |

**FOKUS 2 : Cara / usaha / langkah menangani kemalangan jalan raya**

| **Bahan 1** | |
|---|---|
| C1 pelbagai operasi dan kempen keselamatan dilaksanakan oleh pihak berkuasa ketika musim perayaan | 2 |
| C2 pihak berkuasa meletakkan papan tanda amaran secukupnya | 2 |
| C3 pihak berkuasa perlu memasang lampu jalan di kawasan selekoh | 2 |
| C4 tanda amaran bercahaya pada waktu malam perlu dipasang | 2 |

| **Bahan 2** | |
|---|---|
| D1 memastikan jalan raya diselenggara dengan baik | 2 |
| D2 mengubah sikap pemandu yang kurang berhemah | 2 |

**Bahan 3**
E1 beri tumpuan pada pemanduan 2
E2 jangan menggunakan telefon bimbit semasa memandu 2

**Kesimpulan [2 markah]**
K1 Kesimpulannya, kemalangan jalan raya perlulah dielakkan oleh semua pihak supaya keselamatan pengguna terjamin. 2
K2 Kesimpulannya, kemalangan jalan raya perlulah ditangani oleh semua pihak. 1

**(Kesimpulan yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)**

**PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT**